

13 DEC 2000

Cuepacs-Bonus

CUEPACS SAMBUT BAIK BONUS BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik pembayaran bonus setengah bulan kepada semua kakitangan kerajaan termasuk anggota polis dan tentera.

Menurut Presiden Cuepacs, N. Siva Subramaniam, hampir satu juta kakitangan kerajaan akan mendapat faedah daripada keputusan kerajaan itu.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Cuepacs, Siva Subramaniam berkata pembayaran itu tepat pada masanya bagi membiayai perbelanjaan persekolahan dan musim perayaan Krismas, Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

Pembayaran ini jelas menunjukkan kerajaan mengambil berat akan kebajikan kakitangan kerajaan dan Cuepacs yakin pemberian bonus itu akan memberi dorongan kepada mereka untuk berkhidmat lebih cemerlang.

Siva Subramaniam juga berkata Cuepacs mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin atas bantuan itu.

Menurut kenyataan akhbar Kementerian Kewangan hari ini kakitangan kerajaan akan menerima bonus sebanyak setengah bulan gaji pokok tertakluk kepada had minimum RM500 dan imbuhan itu akan dibayar penuh pada bulan ini.

Sementara itu dalam satu lagi kenyataan akhbar Setiausaha Agung Cuepacs Abd Rahman Manan berkata, Cuepacs juga menyokong tindakan kerajaan mengetatkan syarat untuk pegawai kerajaan menerima tawaran keahlian kehormat atau nominee kelab golf dan rekreasi swasta bagi mengelakkan rasuah.

Beliau berkata arahan ini wajar kerana terdapat pegawai-pegawai kerajaan terutama di peringkat tertinggi yang mempunyai kuasa tertentu dalam membuat keputusan dasar terhadap tawaran tertentu.

Mengenai kenyataan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar di Parlimen bahawa masalah ketelusan dan objektiviti merupakan rungutan yang sering diterima berhubung pelaksanaan penilaian prestasi Sistem Saraan Baru (SSB) di peringkat Jabatan Kerajaan, Abdul Rahman berkata perkara itu sudah lama disuarakan oleh Cuepacs.

Malah perkara ini telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri dan beliau sendiri meminta Cuepacs mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menambahbaik pelaksanaan jadual gaji matriks dalam SSB.

Beliau berkata, Cuepacs sendiri dalam kajian mendapati terdapat banyak kepincangan dalam pelaksanaan sistem penilaian itu dan perlu diatasi segera oleh kerajaan.

Cuepacs mencadangkan kepada JPA supaya diwujudkan gaji sebaris dalam tangga gaji anggota sektor awam dan akan terus berbincang dengan JPA bagi menyelesaikan isu itu yang telah berjalan hampir sembilan tahun semenjak SSB diperkenalkan pada tahun 1992.

-- BERNAMA

SSA AHH PR